

NO. SOALAN: 24

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 10 NOVEMBER 2014

RUJUKAN : 7195

SOALAN:

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) sehingga Ogos 2014 dalam pengetahuan Kementerian berapakah jumlah ahli Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang (PPS), Pasukan Peronda Sukarela Kedah yang didaftarkan; dan
- (b) apakah perbezaan di antara Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang yang dikaitkan dengan DAP dengan Pasukan di Kedah yang dikaitkan dengan MCA.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Undang-undang di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] telah memeruntukkan bahawa mana-mana pertubuhan yang ingin bergerak secara sah di dalam Malaysia perlulah berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Dalam hal ini, kegagalan mana-mana pertubuhan untuk berbuat demikian akan membolehkan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 6(3) Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] diambil iaitu, "Sesiapa yang melakukan pelanggaran terhadap Seksyen 6(2) adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ribu ringgit, dan jika pelanggaran itu adalah suatu pelanggaran yang berlanjutan, maka orang itu bolehlah dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit bagi tiap-tiap hari pelanggaran itu dilanjutkan selepas hari yang pertama".

Selain itu, peruntukan di bawah Seksyen 2 Akta yang sama pula ada menyebut bahawa sekumpulan tujuh (7) orang atau lebih adalah memenuhi tafsiran sebagai sebuah pertubuhan tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal dan sewajarnya mengambil tindakan untuk membuat permohonan pendaftaran pertubuhan.

Justeru, mengenai status Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang, berdasarkan rekod Kementerian ini, didapati bahawa Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang tidak pernah memohon untuk didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Sehubungan dengan itu, Kementerian ini tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci perkara-perkara berkaitan Pasukan Peronda Sukarela Pulau Pinang kerana dikhuatiri akan mengganggu siasatan oleh pihak polis dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia yang sedang berjalan.